

Unsur Feminisme dalam Pantun Melayu

Siti Khariah Mohd Zubir

Abstrak

Feminisme adalah sebahagian daripada wacana pengajian wanita yang muncul dalam pengajian antara budaya yang bersifat interdisiplin. Hal ini termasuklah pengajian budaya yang bermula daripada proses produksi hingga ke aspek penghayatan dan jati diri dengan sentiasa menyoal andaian dan perspektif dominan tentang budaya berkenaan. Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji unsur feminisme yang terdapat dalam pantun Melayu. Pengkaji ingin memfokuskan kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan sepuluh rangkap pantun yang berbeza. Pendekatan yang digunakan untuk menganalisis pantun-pantun Melayu ialah pendekatan feminisme dan pendekatan Moral Islam. Hasil kajian ini dapat mengenal pasti unsur feminisme dalam pantun Melayu dan mengupas secara terperinci kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu.

Kata kunci feminisme, unsur, pantun, interdisiplin, kedudukan wanita.

Abstract

Feminism is part of the discourse of women's attitude that appear in cross-cultural studies that are interdisciplinary. This include cultural studies, which begins from the production processes to aspects of self-appreciation and to always question the dominant assumptions and perspectives of the culture. In this study, researcher studies feminist element in Malay poem. Researcher wants to focus on the position of women in Malay community. This study uses ten different poems. Approaches use to analyze the Malay poems are the

feminism approaches and Islamic moral approaches. This study will identify the feminism elements in Malay verses of poems and analyze them in details the position of women in the Malay community.

Keywords *feminism, elements, poem, interdiscipline, the position of women.*

Pengenalan

Pantun ialah bentuk puisi Melayu yang asli dan unik. Ia merupakan sumber khazanah dalam kehidupan masyarakat di Alam Melayu, baik dari segi pemikiran, kesenian, mahupun nilai-nilai moral dan sosialnya. Akal budi orang Melayu dapat dilihat dalam pantun yang diungkapkan secara spontan dengan begitu ringkas dan padat. Hal ini termasuklah kebijaksanaan dan ketangkasnya menjana makna yang dalam dan mengukir gerak hati serta lukisan rasa yang indah bersama penampilan unsur-unsur alam.

Pantun wujud dalam pelbagai bentuk dan wajah, dari pantun dua kerat dan pantun empat kerat sehingga ke pantun berkait. Genre ini menduduki tempat yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Justeru, diungkapkan dalam permainan kanak-kanak, dalam penceritaan, upacara peminangan dan perkahwinan, nyanyian dan upacara adat. Pendeknya, setiap tahap kehidupan manusia Melayu, iaitu dari dalam buaian hingga kea lam percintaan dan hari-hari tua dibantu dan dihiasi oleh pantun.

Siti Khariah et.al, (2010a:1) menjelaskan pantun sebagai satu ragam puisi Melayu lama yang dianggap ciptaan Melayu asli digubah dengan beberapa tujuan tertentu. Manakala Zainal Abidin Bakar (1983) menyatakan bahawa pantun merupakan bentuk puisi tradisional Melayu yang berbentuk dalam rangkap-rangkap yang tidak hanya terbatas pada empat rangkap, malah pelbagai seperti pantun dua kerat, pantun enam kerat dan pantun lapan kerat. Pantun juga mempunyai konsep pembayang dan maksud yang dikenali sebagai sampiran dan konsep pantun sebenar. Lazimnya, pembayang dan maksud perlu diambil daripada sumber alam, sama ada daripada bahan mujarab mahupun daripada aspek abstrak, terdiri daripada konsep-konsep.

Menurut Aripin Said (1994:1) pantun merupakan puisi Melayu lama yang menggambarkan kehalusan budi dan keprihatinan masyarakat pada waktu itu. Alam dan ruang lingkup budaya masyarakat Melayu

lama bukan sekadar berkisar dalam diri seperti sedih, hiba, sayu, kasih dan benci tetapi melebar kepada soal-soal sindiran, kiasan, cinta tanah air, pelayaran, ekonomi dan hubungan diplomatik.

Zaitul Azma Zainol Hamzah (2007:16) menjelaskan bahawa istilah feminisme tergolong sebagai kata adjektif yang merujuk kepada tingkah laku atau mempunyai kualiti atau unsur yang secara khusus lebih memihak atau sesuai untuk kaum wanita. Sebagai contoh, “langkah yang lembut”, “senyuman yang menawan”, “wajah yang ayu”, merupakan antara huraian deskriptif tentang seseorang wanita. Dalam bahasa Melayu, unsur feminisme terdapat dalam pelbagai disiplin ilmu dan bidang. Salah satunya adalah dalam bidang kesusasteraan. Kebanyakan pantun Melayu dihasilkan dengan menggunakan unsur feminisme. Pantun yang mengandungi unsur feminisme ini kebanyakannya mempunyai persoalan yang berlegar tentang perihal kewanitaan.

Objektif Kajian

Menerusi pantun Melayu yang berunsur feminisme ini, dapat dinyatakan dua objektif kajian yang ingin disampaikan, iaitu:

1. Mengenal pasti feminisme yang terdapat dalam pantun Melayu.
2. Mengupas secara terperinci kedudukan wanita yang terdapat dalam pantun.

Sorotan Literatur

Kajian literatur merupakan salah satu langkah penting kerana ia akan memberikan maklumat mengenai tajuk kajian, iaitu unsur feminisme dalam pantun Melayu. Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat mengumpul dan menganalisis maklumat-maklumat berkaitan dengan perkara yang dikaji. Hal ini ternyata dapat menyumbangkan idea-idea yang bernas kepada penyelidik mengenai perkara yang dikaji dan dapat memberikan perincian yang tepat tentang bidang kajian.

Roslina Abdullah Zawawi dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk “Pantun Melayu Tradisional” yang disempurnakan pada 2002 di Universiti Pendidikan Sultan Idris memperkatakan bahawa manusia secara semula jadi mempunyai ciri-ciri positif dan negatif dalam

diri mereka, iaitu mempunyai sifat baik, pemurah, pengasih atau sebaliknya seperti pembengis, pembenci dan pendendam. Menurut beliau lagi, medium kesusasteraan Melayu dalam pelbagai genre termasuk pantun berfungsi membendung sifat buruk manusia daripada menguasai diri sendiri sehingga mengganggu kententeraman dan keselamatan orang lain.

Zamrudah Abdul Ghani membuat kajian yang bertajuk “Jenis-jenis Pendidikan dalam Pantun dan Peranannya Sebagai Media Pendidikan dalam Masyarakat Melayu Tradisional”. Latihan ilmiah ini disempurnakan pada tahun 2001 di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dalam kajian ini, Zamrudah mendapati bahawa pantun bukan sahaja menyatakan manifestasi minda masyarakat Melayu tradisional terhadap ilmu pendidikan, malahan keindahan penyusunan kata-kata dan membawa makna atau pengertian yang mendalam. Penyusunan kata-kata dan pemilihan unsur-unsur pembentukan sesebuah pantu mampu melahirkan pantun yang puitis. Penggabungjalinan antara nilai-nilai estetik pantun dengan nilai-nilai pendidikan keduniaan dan keagamaan di dalam pantun dipercayai dapat memberi manfaat yang maksimum kepada masyarakat Melayu dahulu dan sekarang.

Zalila Sharif dalam bukunya yang bertajuk *Feminisme dalam Kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara* yang diterbitkan pada 2003 menyatakan bahawa fahaman feminisme ini semakin bersemarak pada abad ke-18 di Barat apabila golongan wanita berasa mereka tidak mendapat hak yang sewajarnya. Hak-hak tersebut adalah seperti hak mendapatkan pendidikan, memiliki harta, mengundi dan bergerak bebas dalam masyarakat. Kesedaran ini mendorong kaum wanita di Barat menuntut hak mereka kepada pemerintah.

Metodologi Kajian

Dalam usaha untuk membuat kajian, pengkaji menggunakan dua pendekatan, iaitu pendekatan feminisme dan pendekatan moral.

Pendekatan Feminisme

Pendekatan feminisme dipilih bagi menggarapkan kedudukan wanita dalam pantun. Pendekatan ini merupakan perkembangan yang boleh dikira mutakhir dalam sejarah perkembangan kritikan sastera. Konsep

dan dasar pendekatan ini ialah feminis, female dan feminine. Toril Moi (1987: 84) menyatakan bahawa lewat dekad ini, para feminis menggunakan konsep ini bagi merujuk kepada beberapa perkara. Seterusnya Toril Moi menyatakan bahawa isu-isu politik serta teoretis berkaitan dengan perkembangan mutakhir feminisme. Ia hanya boleh difahami sekiranya ketiga-tiga konsep asas itu dapat dibezakan dengan jelas. Feminisme diertikan sebagai merujuk kepada isu dan kedudukan politik, femaleness (wanita) diertikan merujuk aspek fizikal atau biologi yang diinginkan oleh kebudayaan. Manakala feminis merupakan label-label politik bagi mendukung sesuatu pergerakan wanita yang muncul pada tahun 1960-an. Kritikan feminis pula membawa maksud sejenis wacana politik yang khusus dan tersendiri yang bertujuan untuk menentang kekuasaan melampau patriaki dan seksisme. Feminisme lahir kerana dipengaruhi patriaki. Kritikan feminis dicirikan oleh aktiviti politik dalam menentang patriak dan seksisme.

Menurut Rosnah Baharudin (2005: 382) dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Alam Wanita dalam Rimba Harapan Karya Keris Mas” menyatakan bahawa dasar pemikiran penelitian sastra berperspektif feminis adalah upaya pemahaman kedudukan dan peranan dalam sesebuah karya. Meneliti watak wanita dalam karya sastra agak menyeluruh jika penelitiannya dilakukan dengan metode ilmiah.

Toril Moi (1986: 75) menyatakan bahawa Elaine Showalter merupakan salah seorang tokoh kritikan feminis yang terpenting di Amerika Syarikat. Showalter membahagikan kritikan kepada wacana dan perspektif feminisme kepada dua bahagian. Pertama, *feminist critique*, iaitu menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pembaca serta pengguna karya yang dihasilkan oleh kaum lelaki. Pengkritik yang mengamalkan *feminist critique* mendedahkan andaian yang berdasarkan ideologi dalam fenomena sastra. *Feminist critique* juga mengkaji bagaimana citra wanita dalam kesusasteraan kerap kali menonjolkan yang steroitip tentang wanita dan sedikitpun tidak mencerminkan kerumitan jiwa wanita tetapi lebih mendedahkan projeksi atau mekanisme bela diri kaum lelaki.

Kedua, ‘gynocritics’, iaitu istilah yang telah dipinjam daripada pengkritik Perancis. Bahagian ini memberikan perhatian kepada wanita sebagai penulis, iaitu wanita sebagai penghasilan maksud tekstual. Ia mengalih perhatian kepada sejarah, tema, genre, struktur dan karya yang ditulis oleh kaum wanita. Isu yang dikaji melibatkan perikodinamik dalam gaya cipta wanita, linguistik dan masalah membina suatu bahasa wanita. Gynocritics juga melihat sebahagian

bagi membebaskan diri daripada ikatan teori yang selama ini merupakan batu asas sistem penandaan kaum lelaki. Ia juga melihat ke dalam imaginasi dan daya cipta wanita yang mampu membuahkan bentuk eksperimen. Pendekatan yang pertama dan kedua relevan untuk kajian ini kerana pengkaji tidak tahu siapa yang mencipta pantun-pantun yang digunakan.

Pendekatan Moral

Pendekatan moral yang dipilih oleh pengkaji berdasarkan ajaran Islam. Pendekatan ini digunakan dengan tujuan untuk memberikan contoh, teladan dan tunjuk ajar kepada kaum wanita berdasarkan Islam. Pendekatan moral dalam sastera merangkumi tiga aspek kehidupan manusia, iaitu rohani, jasmani dan akal. Mohd. Affandi Hassan (1992: 9) menyatakan bahawa dari segi rohani adab merujuk kepada penyempurnaan dua tugas insan, iaitu tugas sebagai manusia beribadat kepada Allah, dalam pada waktu yang sama bermuamalah dengan baik sesama makhluk. Kedua-duanya menjadi asas pemberian tamadun dalam Islam.

Jabir Qamihah (1996: 49) menyatakan bahawa nilai-nilai moral khususnya moral Islam merupakan himpunan akhlak yang membentuk keperibadian Muslim yang unggul, seterusnya berupaya memberikan sumbangan kepada masyarakat, bekerjasama dan berusaha ke arah pembentukan diri, keluarga dan akidah. Jabir Qamihah membahagikan nilai-nilai moral ini kepada dua, iaitu:

1. Nilai negatif atau nilai kosong, nilai ini adalah sesuatu nilai yang meninggalkan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah seperti arak, zina, bohong dan mencuri.
2. Nilai positif ialah suatu nilai yang wajib ada pada setiap orang Islam seperti benar, amanah, kasih sayang, menghubungkan silaturrahim, mulia dan berbaik-baik dengan jiran tetangga.

Orang Islam dikehendaki mematuhi kedua-dua aspek ini, iaitu meninggalkan apa yang ditegah dan mengamalkan apa yang diperintah-Nya.

Menurut al-Quran, surah al A'raaf (7:33) yang terdapat dalam Jabir Qamihah bermaksud, "Sesungguhnya Tuhan mengharamkan perbuatan keji, sama ada yang zahir atau yang bersembunyi dan perbuatan dosa melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar". Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan pendekatan ini untuk mengkaji

watak-watak wanita yang selalu lalai dan selalu membuat kesilapan dalam melakukan sesuatu perkara. Pendekatan moral setidak-tidaknya dapat membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh kaum wanita.

Pendekatan moral mempunyai kelebihan berbanding dengan pendekatan yang lain dalam sastra. Tujuan ajaran Tauhid adalah untuk menjaga kebersihan terus menerus melalui iman, ilmu dan amal supaya apabila dia kembali kepada Tuhan nanti (mati) akan berkeadaan bersih seperti pada permulaan kejadian. Pendekatan ini juga menyarankan persediaan akal serta kekuatan tubuh badan, manusia disuruh meneroka dunia dan mendapatkan manfaat di dunia dan tanpa melupakan akhirat.

Dalam pandangan Islam, hakikat dan fungsi sastra seperti yang dikonsepsikan dan dipraktikkan dalam sastra Barat adalah sempit dan mengelirukan. Karya dibataskan kepada aspek lahiriah, dari luaran untuk memuaskan nafsu dan emosi serta daya intelek yang ukurannya terlalu relatif dan sementara, sering manusia gagal mengenai hakikat dirinya. Hakikat tauhid yang menjadi dasar ajaran Islam mengutamakan aspek intelektual, aspek akal, daripada aspek emosi dan hawa nafsu kerana itu seniman Islam berkarya untuk menyembah Allah, manakala seniman Barat menyembah hasil seninya atau hawa nafsunya.

Analisis Unsur Feminisme dalam Pantun Melayu

Memperjuangkan Hak dan Kepentingan Wanita dalam Masyarakat

Memperjuangkan hak dan kepentingan wanita dalam masyarakat merupakan unsur feminisme yang paling utama. Hal ini kerana persoalan hak dan kepentingan wanita menjadi fokus utama dalam membincangkan isu feminisme ini. Dalam pantun yang dikaji, pengkaji mendapati unsur feminisme ini terdapat dalam pantun yang meletakkan kedudukan wanita di tempat yang cukup tinggi dalam masyarakat Melayu, contohnya:

Hari mana mengayak abu,
Hari tuan mengayak pasir;
Bagaimana bercerai ibu,
Bagai roboh kota besar.

Kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu di Malaysia diletakkan di tempat yang sangat tinggi tarafnya. Kedudukan wanita

adalah sama dengan lelaki. Tiada perbezaan dalam pemberian hak kepada status jantina. Jika dilihat pada pantun di atas, pengkaji mendapati wanita yang bergelar ibu sangat dihormati. Malah kedudukan ibu cukup tinggi berbanding lelaki yang bergelar ayah. Tambahan pula, nilai kasih sayang ibu lebih diutamakan. Bersesuaian dengan pegangan teori feminisme yang memperjuangkan hak wanita. Showalter dalam teorinya menyatakan bahawa feminisme adalah perjuangan kaum wanita untuk mendapat status yang sama dengan lelaki dan meminta hak-hak yang telah lama dipinggirkan. Showalter (1979: 280) turut menyatakan bahawa terdapat suara-suara wanita yang mahu memperjuangkan hak serta kedudukan wanita. Inilah yang dikenali sebagai feminisme, iaitu pergerakan yang menuntut hak sama rata bagi kaum wanita dan lelaki. Pendapat ini turut disokong oleh Puteri Roslina Abdul Wahid (2007: 14), unsur feminisme dalam pantun Melayu merupakan unsur yang tersendiri yang mempunyai nilai kasih sayang yang sangat tinggi dalam masyarakat timur.

Pendirian Tersendiri dalam Menjaga Tatasusila Pergaulan dan Perhubungan antara Kekeluargaan dan Persaudaraan

Pengkaji turut mendapati unsur feminisme yang lain, misalnya wanita yang mempunyai pendirian tersendiri dalam menjaga tatasusila pergaulannya dan perhubungan antara kekeluargaan dan persaudaraan. Feminisme masyarakat Melayu amat berbeza dengan masyarakat Barat. Golongan wanita masyarakat Timur sememangnya kaya dengan nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan. Berbeza dengan masyarakat Barat yang sudah tidak mementingkan nilai-nilai kesopanan kerana dianggap ketinggalan dalam arus kemodenan. Kelembutan dan kehalusan peribadi wanita Melayu bukan bermakna mudah dijinak tetapi juga tidak bermakna ketegasan itu tidak ada, namun sikap ini terzhahir secara tersembunyi, misalnya:

Bunga ros bunga melati,
Harum semerbak di dalam taman;
Besar sungguh hajat di hati,
Untuk menyunting bunga di taman.

Alun-alun pergi hitam,
Kiri kanan pokok membangun;
Harum-harum bunga di hutan,
Harum lagi bunga di taman.

Air pasang matahari masuk,
 Banyak orang jual berangan;
 Jerat dipasang burung tak masuk,
 Burung biasa makan di tangan.

Berdasarkan pantun di atas, pengkaji mendapati unsur perlambangan yang digunakan untuk mewakili perempuan ialah bunga. Bunga mempunyai perlambangan keindahannya yang tersendiri dari segi bentuk, warna dan keharumannya. Malah, asal bunga itu ditemui oleh pengkaji untuk memberi gambaran tentang sifat kewanitaan yang dilahirkan melalui pantun. Selain bunga, unsur perlambangan seperti burung juga melambangkan sesuatu yang disayangi dan dipelihara sebagai kegemaran masa lapang dalam kalangan masyarakat Melayu. Perlambangan burung dengan sifatnya seperti jinak-jinak merpati melambangkan sifat wanita Melayu yang mempunyai pendiriannya tersendiri dalam menjaga tatasusila pergaulannya dalam masyarakat. Bertepatan dengan teori feminisme, pantun di atas menunjukkan bahawa wanita juga seperti lelaki yang mempunyai pendiriannya tersendiri dalam menjaga tatasusila pergaulannya dalam masyarakat. Pendirian itu perlu disulami dengan ketegasan supaya tidak berlaku penindasan dan dipinggirkan hak wanita seperti yang diperjuangkan oleh teori feminisme itu sendiri. Menurut Toril Moi (1987:84), femaleness (wanita) diertikan sebagai merujuk kepada aspek fizikal atau biologi dan feminiti (kewanitaan) diertikan sebagai tingkah laku yang diinginkan oleh kebudayaan. Manakala Jabir Qamihah membahagikan nilai-nilai moral kepada dua, iaitu nilai negatif atau nilai kosong. Nilai negatif ini ialah nilai-nilai yang ditegah oleh Allah SWT seperti meminum arak, zina, bohong dan mencuri. Kedua, nilai positif suatu nilai yang wajib ada pada setiap orang Islam seperti benar, amanah, kasih sayang, menghubungkan silaturrahim dan mulia.

Keberanian untuk Bersuara

Sebelum ini golongan wanita Melayu sememangnya terkenal dengan sifat lemah lembut, menurut kata dan tidak berani untuk bersuara menyatakan apa yang tersirat di dalam hati. Kemunculan teori feminisme sedikit sebanyak membantu wanita lantang bersuara untuk menyatakan hasratnya. Sikap berani bersuara ini dinyatakan berdasarkan pantun di bawah, misalnya:

Anak ayam turun sepuluh,
Mati seekor disambar helang;
Kalau tuan berani sungguh,
Rebutlah aku di tangan orang.

Pantun tersebut mengisahkan wanita yang berani bersuara mencabar kaum lelaki supaya mendapatkannya di tangan lelaki lain. Wanita kini berani mencabar lelaki supaya merebutnya di tangan lelaki lain sekiranya lelaki berkenaan mahu memilikinya. Begitulah beraninya golongan wanita. Zalila Sharif (2003:14), menyatakan bahawa fahaman feminisme ini bertambah sejajar pada abad ke-18 di Barat apabila golongan wanita berasa mereka tidak mendapat hak yang sewajarnya. Hak-hak tersebut adalah seperti hak mendapat pendidikan, memiliki harta, mengundi dan bergerak bebas dalam masyarakat. Kesedaran ini mendorong Mary Wollstnecraft setelah diterima sebagai ahli penulis teori feminisme British yang pertama setelah beliau menulis buku *Vindication of the Right Woman* (1789). Buku ini dianggap sebagai manifesto yang klasik kerana mempertahankan kemampuan wanita dalam mencari ilmu, membuat penilaian, bersuara dan berkeupayaan memilih. Walau bagaimanapun wanita Islam terpaksa akur dengan hukum agama Islam. Contohnya, tentang pembahagian harta pusaka, mestilah mengikut faraid, lelaki mesti lebih daripada wanita.

Penggunaan Bahasa Halus dalam Berpantun

Selanjutnya pengkaji melihat penggunaan bahasa halus dalam berpantun yang memperlihatkan kesenian berbahasa dalam masyarakat Melayu melalui penggunaan kata ganti nama yang bersesuaian dengan suasana dan situasi. Contohnya penggunaan kata adinda, adik dan sebagainya.

Air tawar jatuh ke laut,
Gulai itik sama belangkas;
Apa soalnya tidak disahut,
Adinda belum tahu membalas.

Pantun di atas menerangkan bahawa seseorang wanita itu tidak terburu-buru dalam melontarkan percakapan. Wanita Melayu akan berdiam diri sekiranya sesuatu persoalan tidak dapat dijawab. Jelaslah

pantun di atas menggunakan bahasa halus dalam memperlihatkan kesenian berkomunikasi dalam masyarakat. Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2007:14), fahaman feminin merupakan kumpulan teori sosial, gerakan politik yang bertunjangkan liberalisasi golongan wanita. Fahaman ini menuntut persamaan antara jantina dari segi sosial, politik dan ekonomi dan menegaskan bahawa genud atau gender tidak seharusnya sebagai faktor penentu membentuk jati diri sosial seseorang atau hak sosiopolitik dan ekonomi. Oleh hal yang demikian, penggunaan kata ganti nama bagi kaum wanita tidak seharusnya memberikan kedudukan yang berbeza dalam masyarakat. Walaupun hal ini tidak berlaku dalam masyarakat Melayu kerana penggunaan bahasa halus tidak bermakna menjatuhkan kedudukan wanita, malah memperlihatkan kesantunan berbahasa dalam budaya Melayu.

Bersesuaian dengan pendekatan moral dalam sastra merangkumi tiga aspek kehidupan manusia, iaitu rohani, jasmani dan akal. Menurut Mohd Affandi Hassan (1992:9) menyatakan bahawa dari segi rohani adab merujuk kepada penyempurnaan dua tugas insan, iaitu tugas sebagai manusia atau hamba Allah SWT dan tugas sebagai Khalifah-Nya di dunia. Dengan dua tugas ini manusia beribadat kepada Allah SWT, dalam pada waktu yang sama bermuamalah dengan baik sesama makhluk, kedua-duanya menjadi asas pemberian tamadun dalam Islam.

Susuk Tubuh yang Menawan

Sakit kaki ditikam jeruju,
 Jeruju ada dalam paya;
 Sakit hati memandang susu,
 Susu ada di dalam kebaya.

Jika dilihat daripada mata kasar, pengkaji mendapati pantun ini menyatakan tentang sesuatu perkara mengenai wanita yang mempunyai susuk tubuh yang boleh membuatkan lelaki tergoda apabila melihat susuk tubuh mereka. Sekiranya dikaji dengan lebih mendalam, maksud pantun tersebut menyatakan tentang seorang wanita seharusnya menjaga aurat agar tidak menjadi tontonan orang lain. Secara tidak langsung ia turut memberi penekanan khususnya wanita supaya tidak memakai pakaian yang terlalu ketat sehingga menampakkan susuk tubuh mereka. Kesopanan dalam berpakaian

juga mampu mengelakkan diri daripada berlaku perkara yang tidak diingini. Contohnya, rogol, liwat, bunuh dan cabul. Bersesuaian dengan pendekatan moral yang dipilih oleh pengkaji, pantun Melayu sememangnya banyak memberi nasihat dan panduan yang baik untuk dijadikan panduan oleh khalayak. Pendapat tersebut disokong oleh Jabar Qamilah, apabila beliau menyatakan bahawa kemoralan terdiri daripada peraturan yang telah ditentukan terlebih dahulu tentang bagaimana cara seseorang itu bertindak dalam sesuatu situasi.

Namun dalam membincangkan soal kemoralan, peraturan masyarakat yang sewajarnya dipertimbangkan dan dipatuhi hanyalah amalan yang baik patut dimiliki serta diterima secara sejagat. Pendapat ini turut disokong oleh Sidi Ghazalba (1974), novel yang menjelaskan bahawa moral itu satu konsep yang telah dirumuskan oleh sesebuah komuniti sosial atau budaya bagi menentukan kebaikan dan keburukan sesuatu perkara yang dilakukan dalam lingkungan budaya masyarakatnya. Ringkasnya, norma-norma yang ditetapkan ini akan menentukan pergerakan ahli masyarakat dengan berlandaskan sesuatu yang mulia, dihargai dan mempunyai prestij.

Pertuturan yang Sopan

Berbudi bahasa juga merupakan unsur feminisme yang penting. Percakapan, pertuturan dan perbuatan seseorang wanita itu memainkan peranan penting dalam mencorakkan peribadinya di mata masyarakat. Bagi mengukuhkan lagi bukti-bukti yang memperlihatkan unsur feminisme, diperturunkan contoh pantun di bawah. Misalnya:

Anak itik pandai menari,
Anak angsa terlompat-lompat;
Rupa cantik dapat dicari,
Budi bahasa mana nak dapat.

Pantun ini membawa maksud seseorang wanita yang cantik dapat dicari dengan mudah, sebaliknya budi bahasa yang terdapat bagi seseorang wanita itu sukar diperolehi dan dicari. Hal ini kerana, nilai budi bahasa yang terdapat dalam diri seseorang wanita itu dapat mencerminkan keperibadian yang mulia dan lembut di mata masyarakat. Seseorang wanita yang sering menjaga adat dan tatasusila dalam proses pergaulan sesama manusia atau pada amnya dalam

konteks kemasyarakatan. Wanita yang cantik dari segi luaran tidak menggambarkan bahawa ia mempunyai ketinggian dalam aspek budi bahasa. Sebaliknya untuk mencari wanita sejati, nilai budi bahasa seharusnya dititikberatkan untuk menjamin kebahagiaan yang sejati di dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun, budi pekerti akan menjadikan seseorang wanita itu dihormati dan disanjung. Budi bahasa mencerminkan ketinggian nilai budi pekerti yang terdapat dalam diri seorang wanita itu akan menggambarkan kecantikan yang abadi kekal sehingga ke akhir hayat. Bertepatan dengan pendekatan moral yang melihat sastra sebagai suatu sumbangan ke arah pembentukan masyarakat yang sensitif dengan zamannya. Dengan kecenderungan itu, pendekatan ini melihat karya sastra yang baik ialah yang bermoral, walaupun dari sudut bentuknya tidak begitu baik. Yang diutamakan ialah nilai pengajaran yang diterapkan itu. Di sini diperlihatkan bahawa pendekatan moral begitu sesuai dan sinonim dengan unsur-unsur feminisme berdasarkan pantun di atas. Semua ini kerana pertimbangan moral yang betul dan memikirkan faedahnya kepada masyarakat. Dengan itu, seseorang wanita seharusnya mementingkan budi bahasa daripada memiliki paras rupa yang cantik. Hal ini adalah kerana, kecantikan raut wajah itu adalah anugerah Allah S.W.T yang tidak dapat diubah-ubah lagi.

Kesopanan serta Kehalusan Perilaku Gadis Melayu

Pantun memancar kehalusan bahasa serta pemikiran masyarakat Melayu yang melahirkannya dalam pelbagai bidang kehidupan termasuklah persoalan feminin dan feminisme. Salah satu daripada bahasa feminin ialah kesopanan dan kesantunan yang dicerminkan dalam bahasa (pantun) yang digunakan. Peri laku gadis Melayu terserlah dalam pantun yang dihasilkan, misalnya:

Adik menumbuk alunya tiga,
Patah satu tinggal dua;
Adik tunduk malukan siapa?,
Malukan abang tunang biasa.

Penggunaan kata 'adik' merujuk kepada golongan wanita dalam masyarakat Melayu yang kaya dengan nilai ketimuran sehingga apabila bertemu dengan tunang sendiri pun menunduk muka dan bahasa halus

digunakan dalam bercinta. Ciri-ciri kesantunan dan kesopanan serta kehalusan peri laku gadis Melayu ini digambarkan melalui kemahiran yang perlu ada sebagai seorang isteri yang baik, iaitu kebolehan memasak dan menjahit seperti yang dinyatakan pantun di bawah:

Gulai umbut pucuk paku
Nasi terletak di muka pintu;
Lemah lembut puteri Melayu,
Bijak memasak menjahit baju.

Masyarakat Melayu memang terkenal dengan budaya dan adat istiadatnya dalam menjalani kehidupan sehariannya. Setiap perlakuan yang dilakukan mempunyai perkaitan antara satu dengan yang lain. Tidak dapat dinafikan bahan sastra seperti pantun ini mampu dijadikan wadah atau 'platform' untuk membimbing masyarakat ke arah kebaikan. Pantun digunakan untuk menyatakan sindiran secara halus kepada pembaca mengenai sesuatu perkara. Secara tidak langsung pembaca dapat memahami maksud yang tersirat di sebalik pantun berkenaan. Pengkaji mendapati unsur feminisme ini juga memperlihatkan kesesuaian penggunaannya dengan pendekatan moral. Berdasarkan contoh pantun di atas, pengkaji mendapati pendekatan moral yang dipilih bersesuaian untuk menganalisis pantun di atas.

Jabir Qamihah menyatakan bahawa kemoralan terdiri daripada peraturan yang telah ditentukan terlebih dahulu tentang cara seseorang itu bertindak dalam sesuatu situasi. Namun, dalam membicarakan tentang soal kemoralan, peraturan masyarakat yang sewajarnya dipertimbangkan dan dipatuhi hanyalah amalan yang baik patut dimiliki serta diterima secara sejagat nilai moral. Pendapat ini turut disokong oleh Sidi Ghazalba (1974) dan Jaxk Glickman (1976), yang dipetik daripada Noriana Md. Nor melalui latihan Ilmiah Sarjana Muda yang bertajuk "Nilai Moral dan Estetika dalam Novel *Shit*", Kuala Lumpur, Universiti Malaya pada tahun 1999 dalam pengertian falsafah, moral itu ialah satu konsep yang telah dirumuskan oleh sesebuah komuniti sosial atau budaya bagi menentukan kebaikan dan keburukan sesuatu perkara yang dilakukan dalam lingkungan budaya masyarakatnya. Ringkasnya, norma-norma yang ditetapkan ini akan menentukan pergerakan ahli masyarakat dengan berlandaskan sesuatu yang mulia, dihargai dan mempunyai prestij.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pantun Melayu juga bersifat didaktik yang banyak mencerminkan dan menonjolkan budaya bangsa Melayu. Nilai terkandung dalam bait-bait pantun Melayu dapat memberi gambaran tentang adat Melayu yang dapat membentuk keperibadian bangsa Melayu itu sendiri. Pengkajian pantun yang mengandungi unsur feminisme adalah berdasarkan beberapa teori yang digunakan, iaitu teori feminisme dan pendekatan moral. Fiksyen pantun melalui liku-liku sejarah peradaban kehidupan masyarakat yang melahirkannya. Ia digunakan dalam semua aspek kehidupan sama ada sebagai wahana gurauan, hiburan, perdukunan, adat istiadat atau alat perundangan yang kekal sehingga sekarang. Kelahirannya sangat istimewa kerana menampakkan betapa orang Melayu terpengaruh dengan unsur alami yang menjadi pemerhatian mereka sehingga diterapkan dalam sastra tradisional. Unsur bahasa dalam pantun turut diakui menunjukkan kebijaksanaan orang Melayu dalam mendidik dan membentuk masyarakat agar menjalani kehidupan dengan beradab.

Rujukan

- Alias Yunus, 1996. *Pantun Melayu sastra rakyat*. Kuala Lumpur: Penerbit Federal.
- Aripin Said, 1994. *Puisi warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah, 1989. *Puisi Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jabir Qamihah, 1996. *Nilai-nilai Islam satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Mana Sikana, 1988. *Teori dan pendekatan: Kritikan sastra moden*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana, 2005. *Teori sastra kontemporari*. Selangor: Pustaka Karya.
- Mohd Affandi Hassan, 1992. *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman, 1988. *Bunga rampai kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moi Toril (ed), 1987. *French feminist thought, a reader*. New York: Basil Black Well Ltd.

- Munandar Saelemen MS, 1968. *Ilmu sosial dasar: Teori dan konsep ilmu sosial edisi revisi*. Bandung: Penerbitan PT Eresco.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, 2007. *Bahasa feminisme dalam pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Raja Masitah Raja Ariffin, 2007. *Bahasa feminin: Penghormatan untuk wanita?*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roslina Abdullah Zawawi, 2002. "Pantun Melayu tradisional". Latihan Ilmiah: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosnah Baharudin, 2005. "Alam Wanita dalam Rimba Harapan: Karya Keris Mas". Kertas Kerja Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Keris Mas pada 2-4 Ogos 2005. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharil Nizam Sha'ri, 2007. *Bahasa menunjukkan jantina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidi Ghazalba, 1974. *Penghantar kebudayaan sebagai ilmu-buku ii*. Djakarta: Pustaka Antara.
- Siti Hajar Che Man, 2003. *Wanita Melayu daripada perspektif aliran feminisme: Kajian terhadap cerpen-cerpen Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Khariah Mohd Zubir, Mohd Rashid Md Idris, Abdullah Yusof, 2010a. *Nilai estetik dan intelek dalam pantun*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
- Siti Khariah Mohd Zubir, Mohd Rashid Md Idris, Mohd Ra'in Shaari, 2010b. *Pantun moden*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
- Siti Zulaikhah Mohd Nor, 1982. *Kedudukan dan peranan wanita dalam Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Zalila Sharif, 2003. *Feminisme dalam kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar, 1983. *Kumpulan pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainol Hamzah, 2007. *Unsur feminisme dalam bahasa dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamrudah Abdul Ghani, 2001. *Jenis-jenis pendidikan dalam pantun dan peranannya sebagai media pendidikan dalam masyarakat Melayu tradisional*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zurinah Hassan, 1998. *Pantun dalam lagu Melayu asli*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.